news HIGHLIGHTS
UUM
STRAITS TIMES | Utusan | Kosmo! | BH | Sinar | Star | Metro
Date: 29/04/2025 Page: 12

Kerjasama strategik PDRM, UUM perkukuh kompetensi kepemimpinan

- Langkah membuka ruang kerjasama dengan institusi akademik seperti UUM adalah satu langkah bijak, menunjukkan keterbukaan KDN dan PDRM menerima pandangan luar bagi menambah baik tahap perkhidmatan
- Pelancaran Kamus Kompetensi adalah bukti nyata usaha berterusan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam dalam konteks keselamatan dan ketenteraman negara

Oleh Prof Madya Dr Zainudin Omar
bhrencana@bh.com.my

Dekan Hal Ehwal Pelajar & Alumni merangkap Pensyarah di Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial, Universiti Utara Malaysia (UUM)

Sejak memimpin Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 3 Disember 2022, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail menunjukkan komitmen tinggi terhadap usaha memastikan semua agensi penguatkuasaan undang-undang menjalankan tugas dengan efisien dan adil serta menjamin keselamatan dalam negeri daripada ancaman dalam dan luar negara.

Prestasi cemerlang ini terbukti apabila KDN berjaya meningkatkan kedudukan Malaysia dalam Indeks Keamanan Global (GPI) 2024 ke tangga ke-10 berbanding ke-19 pada 2023.

Dalam konteks ini, satu langkah signifikan dalam memantapkan kecekapan modal insan dan kepemimpinan agensi keselamatan negara wujud dengan pelancaran *Kamus Kompetensi Tingkah Laku Kepemimpinan Polis Diraja Malaysia (PDRM)* hasil kerjasama antara Universiti Utara Malaysia (UUM) dan PDRM.

Kamus ini adalah instrumen penting yang direka khusus untuk mempertingkatkan kompetensi kepemimpinan dalam pasukan polis dan agensi keselamatan negara serta memberikan arah lebih jelas dalam pembangunan modal insan PDRM ini dilancarkan Saifuddin Nasution di UUM, kelmarin.

Dalam ucapannya, beliau berkata, keamanan dinikmati hari ini bukan berlaku dengan sendirinya, tetapi melalui usaha berterusan, dirancang dan dilaksanakan 11 agensi penguatkuasaan dalam KDN, khususnya PDRM.

Walaupun PDRM adalah agensi penguatkuasaan terbesar negara dengan pengalaman amat luas, ia masih sanggup melakukan kolaborasi dengan pihak luar dalam usahanya menambah baik dan memperbaharui kepemimpinan serta operasi menghadapi cabaran zaman moden.

"Kolaborasi dengan UUM ini membuktikan kita tidak hanya bergantung kepada pengalaman, tetapi kemahiran dan pengetahuan lebih berstruktur dalam menghadapi cabaran keselamatan semakin kompleks," kata Saifuddin.

Beliau turut mengingatkan globalisasi dan cabaran geopolitik semakin mendalam, menuntut PDRM perlu sentiasa bersedia menyesuaikan diri dengan perubahan.

Dalam hal ini, usaha untuk melatih pegawai dengan kompetensi lebih tinggi dan tepat amat penting bagi memastikan pasukan polis sentiasa relevan serta cekap melaksanakan tanggungjawab mereka.

Justeru, beliau menyatakan komitmen KDN untuk mendukung sepenuhnya inisiatif UUM melatih pegawai PDRM dalam pelbagai bidang, termasuk pengurusan psikologi dan kepemimpinan strategik bagi menghadapi cabaran dunia semakin kompleks.

Di sini, langkah membuka ruang kerjasama dengan institusi akademik seperti UUM adalah satu langkah bijak, menunjukkan keterbukaan KDN dan PDRM menerima pandangan luar bagi menambah baik tahap perkhidmatan mereka.

Fokus pendidikan pengetahuan dan kemahiran

Fokus utama yang Saifuddin tekankan ialah pemindahan pengetahuan dan kemahiran dalam pembangunan kompetensi baharu serta instrumen penilaian kompetensi tingkah laku kepada PDRM melalui pembabitan aktif kumpulan penilai dan pegawai PDRM sebagai panel.

PDRM di bawah pimpinan Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dan Timbalannya, Datuk Seri Ayob Khan Mydin Pitchay, pemimpin tegar ini melaksanakan reformasi institusi secara strategik bagi meningkatkan keberkesanan organisasi dan modal kepayaan insan, kepemimpinan dan tadbir urus terbaik.

Ini sejajar dengan agenda pengurusan sumber manusia dan pembangunan kerjaya demi memastikan PDRM kekal cemerlang, memastikan Malaysia negara selamat dan sejahtera.

Ia dijayakan dengan menumpukan terhadap modal insan melalui program kompetensi sebagai langkah strategik penggantian pegawai bagi memastikan orang tepat dipilih.

Ia bermula pada 11 Disember 2023 apabila satu memorandum persefahaman (MoU) antara PDRM dan UUM ditandatangani yang mengiktiraf UUM sebagai pakar rujuk pembangunan sumber manusia PDRM.

Kerjasama dalam tempoh tiga tahun bermula 2024 sehingga 2026 ini tertumpu kepada Pelaksanaan Penilaian Kompetensi Tingkah Laku Kepemimpinan, Pelaksanaan Analisis Jurang Kompetensi Bagi Pengukuhan, Pembangunan Soalan Kompetensi Penilaian Tingkah Laku Kepemimpinan, Pembangunan Penilai dan Pelaksanaan Kursus Pengukuhan Kompetensi Tingkah Laku Kepemimpinan bagi Pegawai PDRM berjawatan strategik.

Satu daripada keperluan pelaksanaan penilaian kompetensi ialah *Kamus Kompetensi* yang mengandungi kerangka kompetensi tingkah laku Kepemimpinan PDRM melalui perincian lima kluster serta 30 sub kompetensi.

Kamus ini juga dokumen rujukan utama menentukan pelaksanaan penilaian kompetensi tingkah laku kepemimpinan PDRM.

Menurut Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohd Foad Sakdan, *Kamus Kompetensi* bukan sekadar satu dokumen rujukan semata-mata, malah ia hasil daripada kajian mendalam dan pemetaan tingkah laku kepemimpinan berdasarkan pendekatan saintifik dan amalan terbaik diterima secara global.

Berdasarkan data diberikan Ayob Khan pula, sejak April 2021 hingga Februari lalu, seramai 1,108 pegawai PDRM menjalani Penilaian Kompetensi Tingkah Laku Kepemimpinan, membabitkan 697 Superintendan, 392 Asisten Komisioner (ACP), 10 Senior Asisten Komisioner (SAC) dan sembilan Deputi Komisioner (DCP).

Maka, program ini diharap akan terus berkembang untuk memastikan hanya mereka yang paling layak menduduki jawatan strategik selaras dengan matlamat PDRM meningkatkan tahap keberkesanan organisasi dan modal insan.

Ia termasuk memastikan setiap pegawai memegang jawatan penting dalam PDRM adalah mereka yang benar-benar memenuhi kriteria kompetensi ditetapkan.

Pelancaran *Kamus Kompetensi* adalah bukti nyata usaha berterusan untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam dalam konteks keselamatan dan ketenteraman negara melalui komitmen tinggi ditunjukkan Saifuddin Nasution terhadap pembangunan kepemimpinan dalam PDRM.

Kerjasama antara PDRM dan UUM juga menjadi model boleh dicontohi agensi keselamatan lain, yang mana universiti dan institusi pendidikan tinggi (IPT) memainkan peranan penting menyediakan latihan dan pembangunan kepada pegawai bertanggungjawab menjaga keselamatan negara.

Saifuddin melancarkan Kamus Kompetensi Tingkah Laku Kepimpinan PDRM di Dewan Gugusan Kuliah (DKG) 3, UUM sambil diperhatikan Ketua Setiausaha KDN, Datuk Awang Alik Jeman (kiri), Ayob Khan (kanan) dan Mohd Foad, kelmarin.